

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2 / 2010: PELAKSANAAN DASAR MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA DAN MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (MBMMBI)

KP(BSPSH-SPDK)201/005/01(38)

25 Januari 2010

Semua Pengarah Pelajaran,

Jabatan Pelajaran Negeri,

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2 / 2010:

**PELAKSANAAN DASAR MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA DAN
MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (MBMMBI)**

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 telah memansuhkan pelaksanaan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah-sekolah dan digantikan dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

2. Dalam melaksanakan dasar MBMMBI, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris diperkukuh menerusi pendekatan yang lebih berkesan. Dengan pemansuhan dasar PPSMI, sekolah kebangsaan dan sekolah menengah hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik, manakala di SJK(C) dan SJK(T) menggunakan bahasa pengantar masing-masing.

3. Pada 5 Ogos 2009, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan supaya dasar MBMMBI dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2010. Dalam proses peralihan ini, sekolah boleh menggunakan Bahasa Inggeris dan/atau bahasa pengantar

masing-masing dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik. Ini bertujuan membantu guru dan murid menyesuaikan diri dengan perubahan dasar berkenaan.

4. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik semasa peralihan dasar PPSMI ke MBMMBI mulai tahun 2010 adalah seperti berikut:

TAHUN	PERINGKAT PERSEKOLAHAN	
	RENDAH	MENENGAH
Mulai 2010	P&p Sains dan Matematik boleh menggunakan Bahasa Inggeris.	P&p Sains dan Matematik boleh menggunakan Bahasa Inggeris.
Mulai 2011	<p>i) P&p Sains dan Matematik Tahun Satu di SK menggunakan Bahasa Malaysia.</p> <p>ii) P&p Sains dan Matematik Tahun Satu di SJK(C) dan SJK(T) menggunakan bahasa pengantar masing-masing.</p>	P&p Sains dan Matematik boleh menggunakan Bahasa Inggeris.
Mulai 2012	<p>i) P&p Sains dan Matematik Tahun Empat di SK menggunakan Bahasa Malaysia dan/atau Bahasa Inggeris sehingga kohort tersebut tamat Tahun 6.</p> <p>ii) P&p Sains dan Matematik Tahun Empat di SJK(C) dan SJK(T) menggunakan bahasa pengantar masing-masing dan/atau Bahasa Inggeris sehingga kohort tersebut tamat Tahun 6.</p>	<p>P&p Sains dan Matematik Tingkatan Satu dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia.</p> <p>P&p Sains dan Matematik Tingkatan Empat boleh menggunakan Bahasa Inggeris dan/atau Bahasa Malaysia sehingga kohort tersebut tamat Tingkatan 5.</p>

Sila rujuk kepada Lampiran 1 dan Lampiran 2 bagi jadual peralihan dasar PPSMI ke dasar MBMMBI.

5. Pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik bagi Tingkatan Enam Rendah, Tingkatan Enam Atas dan Matrikulasi diteruskan dalam Bahasa Inggeris.
6. Penyediaan soalan-soalan peperiksaan awam bagi kelompok mata pelajaran Sains dan Matematik semasa peralihan dasar adalah seperti yang berikut:

JENIS PEPERIKSAAN	PENGGUNAAN BAHASA PENGANTAR
Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)	Dwibahasa sehingga 2015
Penilaian Menengah Rendah (PMR)	Dwibahasa sehingga 2013
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Dwibahasa sehingga 2015

7. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD. DOM

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia